6–30
MAY 2027
www.klfestival.com.my

DATANG DENGAN HATI TERBUKA, PULANG DENGAN JIWA TERPAUT: KL FESTIVAL 2027 KEMBALI KE PUSAT BANDAR KUALA LUMPUR

Perayaan seni, budaya dan komuniti selama 25 hari merentasi Pusat Bandar KL bermula 6 hingga 30 Mei 2027

KUALA LUMPUR, 24 NOVEMBER 2026 – Bangunan warisan, jalanan, tepian sungai dan ruangan awam di sekitar Pusat Bandar Kuala Lumpur bakal menjadi titik pertemuan warga kota apabila KL Festival (KL Fest) kembali berlangsung dari 6 hingga 30 Mei 2027. Antara pengisian awal yang diketengahkan termasuk persembahan seni tradisional di tebing sungai, sebuah karya yang bakal dipentaskan buat julung kalinya serta lagu cinta yang menjadi inspirasi di sebalik lagu Negaraku.

Dianjurkan oleh Think City dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), dengan sokongan Kementerian Kewangan serta Jabatan Wilayah Persekutuan, KL Fest menghimpunkan kepelbagaian kreativiti dan komuniti, serta kebudayaan, sekali gus menawarkan pengalaman yang mengundang pengunjung untuk terus kembali. Mengangkat tema **Titian Sejiwa** (***Bridges of Belonging***), edisi 2027 meneroka hubungan yang mengikat kita dengan kota, sesama insan dan merentasi generasi.

Sebagai acara kebudayaan utama, KL Festival merupakan sebuah kerjasama antara sektor awam, swasta dan masyarakat. Pelbagai atur cara bakal berlangsung di Kawasan Fesyen dan Tekstil dan Kawasan Warisan Dataran Merdeka sehingga ke Pasar Seni dan Jalan Petaling, bersama aktiviti satelit di Brickfields dan Kampung Baru (Kampong Bharu).

Aksesibiliti terus menjadi keutamaan festival ini. Kebanyakan program ditawarkan secara percuma, manakala harga tiket persembahan berbayar ditetapkan pada kadar berpatutan agar ianya dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Menerusi inisiatif *Pay It Forward*, peluang turut diperluas kepada penduduk Program Residensi Rakyat (PPR), warga sekolah, penghuni rumah warga emas dan rumah kebajikan kanak-kanak. Pengisian pesta dirangka untuk seisi keluarga, golongan belia, warga emas, orang kurang upaya (OKU) serta pengunjung dari dalam dan luar negara.

6–30
MAY 2027
www.klfestival.com.my

Festival ini diumumkan secara rasmi hari ini menerusi Majlis Pengumuman KL Festival 2027 dan Sesi Jalinan Rakan Kerjasama oleh YB Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan). Beliau turut mengesahkan bahawa KL Fest akan dianjurkan sebagai festival tahunan yang kembali memeriahkan Pusat Bandar Kuala Lumpur setiap bulan Mei.

Mengulas mengenai festival ini, Yang Berbahagia Dato' Mohamed Nasri Sallehuddin, Pengerusi Think City, berkata: "Selama sebulan, ia memberi gambaran rupa Pusat Bandar Kuala Lumpur yang boleh dinikmati sepanjang tahun: jalanan yang meriah, bangunan warisan yang dibuka dan digunakan, serta perniagaan tempatan yang sibuk hingga lewat malam."

Antara pengisian terawal yang sudah disahkan ialah ***Jogeton***, sebuah tarian yang meraikan semangat kemasyarakatan yang turut menampilkan segmen baharu untuk kanak-kanak, ***Jogeton Junior***; ***Gema Kuala Lumpur***, persembahan Dikir Barat oleh dua kumpulan wanita di sepanjang *River of Life*; ***Our Love Song***, sebuah muzikal yang menelusuri sejarah pembentukan identiti kebangsaan, termasuk lagu "Negaraku"; ***Songs of the Bulbul oleh penari British keturunan Asia Selatan, Aakash Odedra*** (United Kingdom); ***Efectos Especiales*** (Argentina), sebuah seni persembahan jalanan yang menjadikan jalanan warisan sebagai set penggambaran filem secara langsung; persembahan perdana dunia ***HuRU-hARa: nUSaNtAra*** hasil karya TerryandTheCuz, Thomas Henning dan rakan kolaborasi kreatif dari Australia, Malaysia, Indonesia dan Timor-Leste; serta ***KataRaya: Minggu Sastera KL Festival***, yang dikurasi oleh Pauline Fan dan menghimpunkan tokoh sastera tersohor dari seluruh Asia dan rantau lain.

Selain itu, pelbagai atur cara berskala besar yang terbuka kepada orang ramai turut dianjurkan bagi menjemput pengunjung meneroka kawasan bersejarah di Pusat Bandar Kuala Lumpur melalui pengalaman yang berbeza. Antaranya termasuk ***KL Discovery Race***, aktiviti mencari harta karun di seluruh kota; ***KL Frozen in Time***, projek fotografi kolektif yang merakam wajah kota dari pelbagai lokasi pada satu detik yang sama; ***KL Builds***, projek kolaboratif membina semula mercu tanda bandar menggunakan bahan kitar semula; serta ***KL Beat: The City Marches***, perarakan berskala bandar yang menghimpunkan kumpulan pemuzik dram dan pancaragam dari seluruh Kuala Lumpur.

Lebih banyak program, lokasi dan tarikh akan diumumkan menjelang festival.

“Titian Sejiwa (*Bridges of Belonging*) merupakan jemputan untuk melangkaui suatu batas: sama ada antara generasi, budaya, mahupun kejiranan. Kami membawa seniman tanah air dan antarabangsa bersama-sama komuniti yang terlibat untuk menceritakan kisah mereka. Ada yang membawa tradisi mereka ke hadapan. Ada yang diolah semula. Dan semua akan bertemu di jalanan Kuala Lumpur. Datanglah dengan hati yang terbuka, dan pulang dengan jiwa yang terpaut,” kata Terry Conrad, Penerbit KL Festival.

Seniman, kumpulan komuniti, badan kebudayaan dan perniagaan yang berminat untuk turut serta dalam KL Festival 2027 dijemput untuk menghubungi kualalumpurfestival@thinkcity.com.my. Organisasi yang berminat untuk menyokong akses kebudayaan, penglibatan golongan belia dan peremajaan bandar turut dijemput untuk meneroka peluang kerjasama.

Butiran tiket dan atur cara penuh akan disiarkan di klfestival.com.my dan pada platform media sosial KL Festival di Instagram dan Facebook.

TAMAT

Tentang KL Festival (KL Fest)

KL Fest ialah perayaan kota Kuala Lumpur yang utama. Pesta ini diilhamkan daripada pengiktirafan Bandar Kreatif UNESCO bagi bidang reka bentuk dan selari dengan aspirasi Warisan KL. Pesta ini turut menghidupkan Pusat Bandar Kuala Lumpur melalui penglibatan kreatif, budaya dan komuniti yang mewakili persembahan tempatan dan luar negara, seni pemasangan dan atur cara awam yang mampu diakses oleh semua. KL Fest diadakan merentasi bangunan warisan dan ruang awam dengan mentransformasikan kawasan bersejarah menjadi destinasi kebudayaan yang meriah. Untuk maklumat lanjut, layari www.klfestival.com.my

Tentang Think City

Think City ialah sebuah organisasi berimpak yang ditubuhkan pada tahun 2009 bagi mewujudkan tempat yang lebih lestari dan saksama demi manfaat semua. Pengetahuan, kemahiran dan strategi mereka tertumpu kepada penyelesaian bandar, alam sekitar, komuniti sosial, serta ekonomi budaya. Think City merupakan anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad (dana kekayaan berdaulat Kerajaan Malaysia). Untuk maklumat lanjut, layari thinkcity.com.my.

6–30
MAY 2027
www.klfestival.com.my

Tentang Warisan Kuala Lumpur

Warisan KL merupakan inisiatif pemuliharaan warisan dan pembangunan semula bandar berteraskan budaya di peringkat nasional yang bertujuan menghidupkan kembali jiwa Kuala Lumpur melalui usaha memulihara dan memberi nafas baharu kepada warisan binaannya. Inisiatif ini bermatlamat mewujudkan bandar yang lebih selesa untuk didiami, di samping merancakkan pertumbuhan sektor pelancongan, perusahaan komuniti dan perdagangan. Dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, Warisan KL menghimpunkan agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), rakan sektor swasta dan komuniti bagi meletakkan Kuala Lumpur sebagai pusat warisan, budaya dan kreativiti yang dinamik. Untuk maklumat lanjut, layari www.warisankl.my.

Untuk pertanyaan lanjut berkenaan media, sila hubungi:
Jacinta Vythilingam I E-mel: jacintav@spinmeistercomms.com I Tel: +6012 3145935